

17 AUG 1997

Mahathir - budaya

DR MAHATHIR MAHU BUDAYA UMNO DIHAYATI DENGAN MENDALAM

KOTA KINABALU, 17 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta anggota Umno agar benar-benar menghayati budaya parti itu yang sekalipun berubah mengikut keadaan semasa tetapi tetap mempertahankan perpaduan, toleransi kaum dan perasaan bertanggungjawab terhadap rakyat.

Katanya jika amalan negatif seperti rasuah, politik wang dan pelbagai amalan lain yang tidak membawa kemajuan dibenarkan menjadi sebahagian daripada budaya parti itu, amat sukar untuk mengikisnya semula daripada parti.

"Kalau kita yang sedikit sebanyak sudah maju ini menerima cara-cara yang tak baik -- rasuah, dadah, macam-macam lagi -- dan kita amalkan, percayalah walaupun kita dapat maju ke tahap ini, ia akan merosot," katanya ketika merasmikan Konvensyen Umno Sabah di sini.

Perdana Menteri yang berucap tanpa teks kira-kira sejam di hadapan lebih 3,000 hadirin yang terdiri daripada anggota perwakilan Umno serta anggota dan pemimpin parti-parti komponen BN Sabah, berkata budaya Umno terbukti mampu membawa kemajuan kepada negara.

"Kerana itu Umno menjadi kukuh dan inilah yang menyebabkan Umno terus memegang teraju kerajaan sejak sebelum Merdeka, dan malah terus kukuh sehingga 40 tahun lagi selepas negara berjaya mencapai kemerdekaan," katanya.

Dalam menekankan perlunya amalan budaya bersatu diamalkan oleh anggota parti, Perdana Menteri turut mengimbas bagaimana Umno dapat menggembelng semangat dan tenaga orang Melayu dalam usaha menentang gagasan Malayan Union ketika penjajahan British dahulu.

"Kerana takut hak mereka dilucutkan, buat kali pertama mereka (orang Melayu) sedar bahawa mereka adalah satu bangsa. Sebelum itu mereka adalah orang Kedah, orang Kelantan, orang Johor, orang Negeri... cakap berbeza dan masing-masing taat kepada raja masing-masing dan tak memikir bahawa mereka adalah satu bangsa," katanya.

Akibatnya, satu demi satu negeri Melayu telah dijajah dan "apabila orang Siam menyerang Kedah, umpamanya, orang Perak tidak merasa ini adalah (masalah) orang Melayu, tetapi mengaggap ia adalah masalah orang Kedah."

Dr Mahathir berkata: "Kalau dahulu budaya kita begitu sempit, terhad kepada negeri masing-masing, sekarang kita sudah dapat membentuk satu budaya yang boleh menghasilkan kejayaan dan kita dapat menentang British sehingga akhirnya Malayan Union terpaksa digugur."

"Kalau kita cuba pegang terus kepada budaya lama dan cuba melawan British satu persatu, maka satu persatunya akan ditelan," katanya.

Katanya tema konvensyen itu "Ke Arah Penghayatan Budaya Umno" penting dan amat bermakna kerana "kita hendak Umno mempunyai satu budaya yang sama, kita tidak hendak Umno mempunyai budaya yang berbeza antara satu tempat atau negeri lain."

Walaupun di Semenanjung terdapat Umno negeri yang mempunyai semangat kenegerian yang tebal tetapi semangat kerjasama terus menjadi amalan dan kerana itu Umno tetap kukuh dan kuat sehingga membolehkannya terus menerajui Barisan Nasional.

Perdana Menteri turut menyentuh mengenai perbezaan dalam cara kerja dan budaya yang diamalkan pemimpin dahulu dan sekarang.

"Cara perjuangan dahulu lain daripada sekarang kerana dulu tidak ada ganjaran. Kalau nak jadi pemimpin, kena keluar duit sendiri, mesti sanggup berkorban kerana tidak ada pulangan daripada kepimpinan itu.

"Sebab itulah amat sukar mencari pemimpin pada masa dahulu kerana (mereka) terpaksa melakukan banyak pengorbanan semata-mata kerana sayang kepada agama, bangsa dan negara."

Secara berseloroh, beliau berkata: "Sekarang berbeza. Dulu kita tidak berebut-rebut menjadi pemimpin. Dulu kita pujuk orang jadi pemimpin, sekarang tak payah pujuk...sekarang calon bercambah, tak bagi (dia) berebut, tak dapat, dia memberontak masuk parti lain.

"Begitulah bagaimana budaya itu berubah, tetapi syukurlah walaupun berubah, satu daripada budaya Umno yang ada iaitu perpaduan (tetap menjadi amalan)," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Umno memerlukan pemimpin yang bukan sahaja popular tetapi cekap bekerja kerana parti itu harus mewakili rakyat dan mempunyai rasa bertanggungjawab terhadap rakyat.

Beliau juga mengingatkan anggota parti mengenai bahaya fitnah seperti tindakan akhbar Harakah baru-baru ini yang menyiarkan fitnah kononnya beliau (Dr Mahathir) hampir-hampir murtad ekoran isu tiga remaja ditangkap menyertai pertandingan ratu cantik.

"Apa hak dia nak berkata saya hampir murtad. Tetapi fitnah dilempar, tuduhan dibuat dan bagi mereka yang tidak memeriksa, mereka mungkin menerimanya (sebagai benar). Dalam Umno kita tak hendak fitnah atau sebarang cara-cara lain yang tidak boleh membawa kemajuan," katanya. --
BERNAMA

JS MAI